

METODOLOGI IMAM IBN AL-JAZARI DALAM KITABNYA TARFAT AL-ALIM MIN KALAM ABI AL-QASIM

PM Dr Khairul Anuar Mohamad
khairul@usim.edu.my

ABSTRAK

Imam Ibn Jazari menulis dalam beberapa disiplin ilmu seperti Qiraat, Tajwid, Sanad Quran, Tarikh, Lughah, Ulum al-Quran dan juga Hadith. Karya penulisan beliau amat bernilai dan berkualiti. Sehingga kini, pusat pengajian Quran masih menjadikan karya penulisannya sebagai modul pengajaran. Selain bidang Quran, terdapat karya penulisannya dalam bidang hadith. Di antara karyanya dalam bidang hadith ialah yang diberi tajuk “Tarfatut al-Alim Min Kalam Abi al-Qasim”. Kitab ini mengandungi 40 hadith Nabi SAW. Artikel ini akan melihat sumber hadith yang dimuatkan dalam karya tersebut dan menganalisa kandungan hadith dari sudut makna dan bab yang diutarakan. Kesimpulannya, Imam Ibn Jazari adalah tokoh al-Quran yang memberi sumbangan yang besar dalam ilmu al-Quran dan di samping itu mempunyai ilmu yang luas juga dalam bidang hadith.

Pendahuluan

Ketokohan Imam Ibn Jazari dalam ilmu Qiraat menjadi pujian ramai para ulamak. Syeikh Ali Dabba' menyatakan, "Sesungguhnya dalam kitab Al-Nasyr Fi al-Qiraat al-Asyr adalah bukti yang paling jelas dan terang kepada ketokohan penulisnya dan tinggi kedudukannya dalam ilmu ini sehingga beliau berhak untuk dinobatkan sebagai Imam kepada pembaca Quran, Penutup kepada seluruh penghafaz yang muhaqqiq. Beliau adalah Imam yang dibuat hujah, muhaqqiq, mudaqqiq, Syeikh Islam dan pemegang sanad seluruh manusia." (al-Mirsafi: 1982).

Imam Ibn Jazari diberi kemuliaan oleh pemerintah ketika itu kerana keilmuannya yang tinggi dalam ilmu Quran. Syeikh Mustafa Ahmad berkata, "Sesungguhnya Syeikh al-Jazari RA, pada masa pemerintah Taimur yang pernah mengadakan satu majlis Diraja. Pemerintah Taimur telah menjadikan semua pemerintah di bawah kepimpinannya di sebelah kiri beliau dan disebelah kanannya adalah para ulamak. Dalam majlis tersebut pemerintah telah meletakkan Syeikh al-Jazari di permulaan menyebelahi Pemerintah Taimur. Lalu perkara ini ditanya kepada beliau, lantas beliau menjawab bagaimana aku tidak mendahuluinya sedangkan beliau amat alim tentang kitab Allah dan Sunnah." (Ahmad Ibn Mustafa:1405)

Biografi Ibn al-Jazari

Nama penuh Imam Ibn al-Jazari ialah Muhamad ibn Muhammad ibn Muhammad Ibn Ali Ibn

Yusuf al-Jazari. Beliau dilahirkan di Damsyik pada tahun 751 hijrah. Ayahnya amat mengambil berat tentang pendidikan agamanya dan mula memberi pendidikan sejak kecil lagi. Pada usia 13 tahun, Imam Ibn al-Jazari telah berjaya menghafaz seluruh al-Quran. Seterusnya beliau mendalami ilmu syariat, ilmu lughah dan mendalaminya dari beberapa tokoh ulamak tersohor ketika itu. Namun begitu Imam Ibn al-Jazari lebih cenderung mendalami ilmu Qiraat dan masyhur dengan sumbangannya dalam ilmu tersebut.

Menyelusuri guru-guru yang pernah Ibn al-Jazari bertalaqqi sudah pasti akan terjawab kenapakah Ibn al-Jazari menjadi amat masyhur sehingga ke hari ini. Di Damsyik, Ibn al-Jazari bertalaqqi dengan beberapa guru yang terkenal antaranya ialah Syeikh Abu Muhammad Abdul Wahhab ibn al-Sallar, Syeikh Ibrahim al-Humawi, Abi al-Muali Muhammad Ibn Ahmad al-Lubban.

Pada tahun 768 hijrah, Ibn al-Jazari pergi ke Makkah bagi menunaikan haji. Ketika berziarah di Madinah, Ibn al-Jazari telah berjumpa dengan Imam Masjid Nabi dan bertalaqqi dengannya beliau ialah Abi Abdillah Muhammad Ibn Salih al-Khatib. Tahun berikutnya, Ibn al-Jazari pergi ke Mesir dan mendalami ilmu Qiraat dengan guru-guru yang masyhur di sana. Antaranya ialah Syeikh Abi Bakr Abdullah al-Jundi, Abi Abdillah Muhammad Ibn al-Saigh dan Abi Muhammad Abdul Rahman Ibn al-Baghdadi.

Ibn al-Saigh dan Ibn al-Baghdadi mengajar kepada Ibn al-Jazari kitab-kitab Qiraat seperti al-'Unwan, al-Taisir dan al-Syatibiyyah. Selepas khatam dengan dua guru yang hebat ini, Ibn al-Jazari balik ke Damsyik. Kali kedua ke Mesir, Ibn al-Jazari masih mendalami Qiraat dengan Ibn al-Saigh beberapa kitab lain seperti al-Mustanir, al-Tazkirah, al-Irsyadain dan al-Tajrid. Dan melalui gurunya Ibn al-Baghdadi, Ibn al-Jazari mendalami Qiraat Empat belas kecuali al-Yazidi.

Sememangnya, Mesir kaya dengan ilmu Qiraat. Ramai ulamak yang mahir dan menguasai ilmu tersebut dengan cara talaqqi dan Musyafahah dari ulamak terdahulu dan bersambung sanad hingga Rasulullah saw. Sebab berkembangnya Qiraat di Mesir ialah usaha dan sumbangan besar yang dilakukan Imam Syatibiy yang mewariskan kitabnya al-Syatibiyyah kepada segologan muridnya yang menjadi ulamak. Mereka aktif dalam pengajaran dan secara langsung kitabnya itu terus menjadi rujukan hingga ke hari ini.

Kali ketiga Ibn al-Jazari ke Mesir, beliau membaca beberapa kitab Qiraat yang lain seperti al-I'lan kepada gurunya Syeikh Abdul Wahhab al-Qurawi dan beberapa guru yang lain. Selain Qiraat, Ibn al-Jazari juga mendalami ilmu Feqh. Beliau mendapat ijazah untuk berfatwa dari gurunya Abu al-Fida Ismail ibn Kathir iaitu pada tahun 774 hijrah. Syeikh al-Islam al-Bulqini juga memberikan ijazah kepada Ibn al-Jazari iaitu pada tahun 785 hijrah.

Selepas mendalami semua ilmu tersebut termasuk ilmu hadith dengan mendapat sanad dan ijazah, maka bermula lah pengajaran. Sesi pengajaran Ibn al-Jazari mendapat sambutan yang luar biasa bukan sekadar masyarakat awam yang bertalaqqi dan menuntut ilmu darinya tetapi halaqah ilmunya juga dihadiri ramai ulamak. Antara mereka ialah Imam Ibn Hajar.

Ibn Hajar berkata: Beliau adalah guru yang hebat. Ramai yang mengambil darinya ilmu Qiraat. Mengasas untuk Qurra pusat pengajian yang dinamakan dengan Darul Quran. Mereka yang khatam sepuluh Qiraat darinya ialah Abu Bakr Ibn Misbah al-Hamawi, Syeikh Najib al-Din Abdullah Ibn Qutb al-Baihaqi dan lain-lain. Kealimanya menjadi buah mulut ulamak ketika itu dan mereka membaca dihadapanya. Ketika beliau menziarah Madinah Syeikh al-Tawasyi yang mengajar di masjid Nabi membaca di hadapanya. Pemerintah ketika itu memberi kemulian dan penghormatan kepada Ibn al-Jazari. Semasa beliau pergi ke Yaman, rajanya al-Malik Mansur hadir dalam sesi pengajaran Ibn al-Jazari dan mendengar sahih Muslim dari beliau.

Imam Ibn al-Jazari menubuh satu pusat pengajian yang dikenali sebagai Dar al-Quran di daerah Syiraz. Beliau banyak menghabiskan masa di Darul Quran ini dengan mengajar al-Quran. Sehingga pada tahun 833 hijrah beliau meninggal dunia dan dikebumikan di Darul Quran tempat pengajian yang beliau asaskan.

Karya penulisan

Imam Ibn Jazari menghasilkan banyak karya yang dianggarkan melebihi 70 hasil penulisan. Beliau menulis dalam beberapa bidang seperti ilmu Qiraat, hadith, bahasa arab Tarikh dan juga Ilmu Hadith. Antara kitabnya yang menjadi rujukan hingga ke hari ini ialah al-Nasyr fi Qiraat al-Asyr, kitab Ghayah al-Nihayah Fi Tabaqat al-Qurra, Tayyibah al-Nasyr Fi Qiraat al-Asyr, Muqadimmah al-Jazariyyah dan lain-lain.

Banyak bukunya yang diriwayatkan dengan sanad yang bersambung kepadanya. Antara ialah yang bertajuk Muqadimah Jazariyyah telah diriwayatkan secara bersambung sanad. Sanad Muqadimmah Jazariyyah yang selalu dianugerahkan kepada pelajar dalam pengajian ilmu Tajwid adalah seperti berikut:

Syeikh Taufiq Ibrahim Dhamrah dari gurunya Syeikh Misbah Ibn Ibrahim Ibn Muhammad daripada Syeikh al-Fadhili Ibn Ali Abu Lailah al-Dusuki daripada Syeikh Abdulla Azim al-Dusuki, daripada Syeikh Ali al-Haddadi al-Azhari daripada Syeikh Ibrahim al-Ubaidi al-Misri daripada Syeikh Abdulrahman Ibn Hasan Ibn Umar al-Ujhuri daripada Syeikh Abi al-Samah Ahmad Ibn Rejab Ibn Muhammad al-Baqari daripada Syeikh Abi Abdillah Muhammad Qasim al-Baqari daripada Syeikh Abdulrahman Syihazah al-Yamani daripada Syeikh Ali Ibn Muhammad Ibn Ali al-Khzraji al-Maqdisi daripada Syeikh Muhammad Ibn Ibrahim Ibn

THE 8th INTERNATIONAL PROPHETIC CONFERENCE (SWAN 2022)

Ahmad al-Samdisi daripada Syeikh Ahmad Ibn Asad Ibn AbdiWahid al-Umyuti daripada penulisnya Imam Abu al-Khair Muhammad Ibn Muhammad Ibn al-Jazari

Manakala karya penulisannya dalam bidang hadith dan yang berkaitan dengannya melebihi sepuluh buah seperti berikut:

Al-Hisn al-Hasin Min Kalam Sayyid al-Mursalin. Kitab ini mengumpulkan doa, wirid dan zikir yang bersumber dari Hadith dan athar. Kitab ini pernah dicetak di Qaherah pada tahun 1279 H, 1315 H dan dicetak di Algeria pada tahun 1328 H.

Al-Mis'ad al-Ahmad Fi Khatmi Musnad Li al-Imam Ahmad Fi al-Hadith.

'Udah al-Hisn al-Hasin Min Kalam Sayyid al-Mursalin. Kitab ini telah diuraikan maksudnya oleh Syeikh Hasanain Muhammad Makhluf.

Fadail Quran.

Al-Taudih Fi Sayrh al-Masabih.

'Iqd al-Laili Fi Ahadith al-Musalsalah al-'Awali

Al-Awaliyyah Fi al-Ahadith al-Awaliyyah

Al-Bidayah Fi Ulum al-Riwayah.

Al-Kasyif Fi Rijal al-Kutub al-Sittah.

Al-Musnad al-Ahmad Fi Ma Yat'alaq Bi Sanad Ahmad

Al-Maqṣad al-Ahmad Fi Khatm Masanid Ahmad

Muqadimah Fi al-Hadith

Qasidah Min Khams Miat Bait Fi Bahri al-Rajzi Fi Mustalah al-Hadith.

Arbaun Hadithan

Kitab yang dinamakan dengan Arbaun Hadithan yang dikarang oleh Imam Ibn al-Jazari mempunyai nama kedua iaitu Tarfatut al-Alim Min Kalam Abi al-Qasim. Penamaan nama buku dengan Arbain iaitu empat puluh adalah amat banyak sama ada dalam ilmu hadith atau ilmu yang lain. Tujuan penamaan tersebut mempunyai beberapa tujuan penulisan dan pengumpulan. Sebahagian ulamak menamakan dengan Arbain adalah untuk menyebut hadith berkaitan tauhid dan ithbat Sifat, ada juga bertujuan menyebut hadith hukum, berkaitan ibadat, hadith yang memberi pengajaran, ada juga ulamak yang buat arbaun untuk mengeluarkan hadith yang sah sanadnya, atau yang tinggi sanadnya dan lain-lain. Semua penulis kitab tersebut menamakan kitab mereka dengan Arbain.

Perintis kepada penamaan kitab dengan Arbain adalah Imam Abdullah Mubarak yang meninggal pada tahun 181 hijrah. Kemudian diikuti para ulamak Hadith yang mengikuti jejak

langkah Abdullah Mubarak. Antara mereka ialah al-Hafiz Ibn Asakir (571 H), Al-Hafiz Abu Tahir al-Silafi (576 H), al-Hafiz Zainuddin al-Iraqi (806 H) dan dua muridnya iaitu Ibn Hajar al-Asqalani (852 H), Ibn al-Jazari al-Dimasyqi (833 H) dan ramai lagi.

Muqadimah Arbaun Hadithan

Pendahuluan kitab Arbaun Hadithan, Imam Ibn Jazari telah memulakan puji-pujian kepada Allah SWT dan selawat kepada penghulu sekelian makhluk Nabi Muhammad SAW serta ahli keluarga dan seluruh sahabatnya.

Kemudian ia diikuti dengan kenyataan sebab kitab Arbaun Hadithan ini dikumpulkan dari sumber yang paling sahih, yang paling fasih dengan lafaz yang pendek bagi memudahkan untuk hafaz. Ini semua adalah kerana hadith Nabi SAW yang menyatakan:

من حفظ من أمتى أربعين حديثاً بعدها يوم القيمة فقيها عالماً

Bermaksud: sesiapa yang menghafaz empat puluh hadith dari kalangan umat ku nescaya Allah SWT akan membangkitkannya pada hari kiamat nanti menjadi orang yang faqih dan alim.

Metode Pembahagian Hadith

Metode penulisan Ibn Jazari berkaitan buku Arbaun Hadithan ini ialah semua hadith yang dikeluarkan oleh Imam al-Bukhari dan hadith yang dikeluarkan oleh Imam Muslim. Jika hadith tersebut dikeluarkan oleh Imam Bukhari, beliau akan nyatakan **قال رسول الله صلى الله عليه وسلم**. Jika hadith tersebut dikeluarkan oleh Imam Muslim, beliau nyatakan dengan **قال النبي عليه السلام**. Jika kedua-dua imam ittifaq mengeluarkan hadith makan beliau nyatakan **قال صلى الله عليه وسلم**.

Bahagian Pertama: Hadith yang dikeluarkan oleh Imam Bukhari yang dimuatkan dalam kitab Arbaun Hadithan oleh Imam Ibn Jazari ialah sebanyak lapan hadith. Sebagai contoh hadith-hadith tersebut adalah seperti berikut:

أبو هريرة وأبو أيوب رضي الله عنهمَا قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: من حج فلم يرث ولم يفسق رجع كيوم ولدته أمه.

Daripada Abu Hurairah dan Abu Ayyub RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: sesiapa yang berhaji dan tidak melakukan perkara yang jahat dan tidak melakukan maksiat maka ia akan kembali dalam keadaan baru dilahirkan ibunya tanpa dosa.

أنس، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: إياكم ودعوة المظلوم، وإن كان كافرا

Daripada Anas RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: jaga-jagalah kamu dengan doa orang yang kena zalim walaupun mereka kafir.

عن عائشة، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: من اغبرت قدماه في سبيل الله حرمه الله على النار.

Dari Aisyah RA, Bahawa Rasulullah SAW bersabda: sesiapa yang kedua kakinya berdebu dengan sebab berjuan pada jalan Allah sesungguhnya Allah mengharamkannya terkena api neraka.

جرير، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: لا يرحم الله من لا يرحم الناس

Jarir RA, Rasulullah SAW bersabda: Allah tidak mengasihi sesiapa yang tidak mengasihi manusia.

Bahagian Kedua: Hadith yang dikeluarkan oleh Imam Muslim pula adalah sebanyak 14 hadith. Antara hadith tersebut adalah seperti berikut:

قال النبي صلى الله عليه وسلم: لا يؤمن أحدكم حتى يحب لأخيه ما يحب لنفسه

Sabda Nabi SAW: Tidak sempurna iman seseorang dari kalangan kamu sehinggalah dia menyintai saudaranya sebagaimana dia menyintai dirinya.

قال النبي صلى الله عليه وسلم: من توضأ فأحسن الوضوء خرجت خطاياه من جسده حتى تخرج من تحت أظافره.

Sabda Nabi SAW: sesiapa yang berwudhu dan memperelokkan wudhunya nescaya keluar segala kesalahan dari tubuhnya sehingga keluar dari bawah kukunya.

أبو هريرة وأبو أيوب رضي الله عنهمَا، قال النبي صلى الله عليه وسلم: من صام رمضان ثم أتبَعَه ستاً من شوال كان كصائم الدهر.

Abu Hurairah dan Abu Ayyub RA, Nabi SAW bersabda: Sesiapa yang berpuasa bulan Ramadhan dan diikuti enam hari pada bulan Syawwal maka seumpama dia berpuasa sepanjang masa.

أنس و معاذ قال النبي صلى الله عليه وسلم: من طلب الشهادة صادقاً أعطيها ولو لم تصبه.

Anas dan Muaz RA, bahawa Nabi SAW bersabda: Sesiapa yang meminta syahadah iaitu mati syahid secara benar dan betul nescaya Allah akan menganugerahkan kepadanya walaupun tidak menimpanya.

Bahagian Ketiga: Hadith yang ittifaq keluarkannya Imam Bukhari dan Imam Muslim adalah sebanyak 18 hadith. Antara hadith tersebut ialah seperti berikut:

أبو هريرة، قال صلى الله عليه وسلم: آية المنافق ثلاث، إذا حدث كذب، وإذا وعد أخلف، وإذا أتمن خان

Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda: tanda orang munafiq itu tiga. Apabila bercakap bohong, apabila berjanji memungkirnya, apabila diberi amanah lakukan khianat.

بريدة بن الحصيب، قال صلى الله عليه وسلم: من ترك صلاة العصر فقد حبط عمله.

Buraibah Ibn al-Hasib, Nabi SAW bersabda: sesiapa yang meninggalkan solat Asar maka dilupuskan amalannya.

عائشة، قال صلى الله عليه وسلم: اللهم من ولي من أمر أمني شيئاً فشق عليهم فاشفق عليه، ومن ولي من أمر أمني

شيئاً فرق به.

Aisyah RA, Nabi SAW bersabda: Ya Allah, sesiapa yang diberikan pemerintahan terhadap umat ku lalu melakukan kesusahan kepada mereka maka susahkan mereka. Dan sesiapa yang diberikan pemerintahan kepada mereka terhadap umat ku lalu melakukan lemah lembut dan kebaikan maka berlelah lembutlah kepada mereka.

أبو هريرة، قال صلى الله عليه وسلم: من يرد الله به خيراً يفقه في الدين.

Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda: Sesiapa yang Allah Mahukan mereka kebaikan maka difahamkan mereka dengan urusan agama.

Analisa Hadith

Perawi hadith 40 yang dikumpulkan oleh Imam Ibn al-Jazari diriwayatkan oleh 20 sahabat RA.

Antara mereka ialah Abu Hurairah, Aisyah RA, Ibn Umar, Ubadah Ibn al-Somit, Buraidah al-Hasib, Muaz, Abu Mas'ud, Ibn Mas'ud, Ummu Salamah, Abu Talhah dan lain-lain lagi RA. Semua hadith ini terdapat dalam Sahih Bukhari dan Sahih Muslim. Menariknya metode yang digunakan untuk mengenali hadith dalam Sahih Bukhari dengan menggunakan Sabda RAAsulullah SAW. Hadith dari Sahih Muslim pula digunakan dengan Sabda Nabi SAW. Manakala jika hadith diriwayatkan oleh kedua-duanya Biukhari dan Muslim atau disebut Ittafaqa Syaikhhan akan dinyatakan dengan Sabda SAW.

Secara keseluruhannya kandungan makna hadith yang dikumpulkan ini adalah dalam kategori hadith fadail Amal. Hadith fadail amal yang terdapat dikumpulkan adalah berkaitan wudhu, hadith berkaitan puasa, selawat kepada Nabi SAW, berlaku rahmat dan baik, jihad pada jalan Allah, belajar dan mengajar Quran, dan kefahaman agama. Selain itu terdapat juga hadith yang bersifat targhib seumpama hadith mengajak untuk lakukan pembebasan hamba sahya. Dan selain itu hadith yang bersifat tarhib atau larangan seumpama hadith yang memberi amaran dari melakukan kezaliman kerana doa yang dizalimi tidak ada hijab dengan Allah SWT.

Kesimpulan

Susunan hadith empat puluh karangan Imam Ibn al-Jazari ini dimulakan dengan hadith yang terdapat dalam Sahih Bukhari. Dari Jabir Ibn Abdillah, bahawa Nabi SAW bersabda: Orang Muslim adalah orang muslim lain selamat dari perkataan dan tidak tanduknya. Dan hadith yang terakhir yang menjadi penutup Arbaun Hadithan ialah hadith riwayat Sahl Ibn Saad dalam Sahih Bukhari dan Sahih Muslim yang mana Nabi SAW bersabda: Sesungguhnya amalan yang diambil kira adalah amalan penutup. Semua hadith yang dikemukakan adalah hadith sahih dan tujuan pembukuan hadith ini adalah untuk dihafaz oleh umat Islam kerana fadhilat menghafaz 40 hadith ini akan dibangkitkan pada hari kiamat di kalangan fuqaha dan muhadithin.

RUJUKAN

Nabil Ibn Muhammad Ala Ismail, 2002, Imam Ibn al-Jazarei wa Juhuduhi Fi Ilmi al-Qiraat, Cetakan Pertama, Dar Ibn Hazm, Beirut, Lubnan.

Imam Abi al-Khair Muhamad Ibn Muhamad Ibn al-Jazari, t.t, Al-Arbaun Hadithan Au Tarfatul al-Alim Min Kalam Abi al-Qasim, Taqdim dan Tahqiq Dr Mustafa Sulaimi, Makaz Tarbawi al-Jahawi Asifi.

Muhammad Ibn al-Jazari, 1983, Uddah al-Hisn al=Hasin Min Kalam Sayyid al-Mursalin,

THE 8th INTERNATIONAL PROPHETIC CONFERENCE (SWAN 2022)

Cetakan kedua, Matba'ah Madani, Qaherah/

Abdul Fattah al-Sayyid Ajami al-Mirsafi, 1987, Hidayah al-Qari Ila Tajwid Kalam al-Bari, Tab'ah ala nafaqah Syeikh Muhamad Ibn Ladin, Mamlakah Arabiyah al-Saudiyyah.

Muhammad Ibn Ismail al-Bukhari, 2018, Sahih al-Bukhari, Dar Ibn Kathhir, Beirut, Lubnan.

Muslim Ibn Hajjaj Ibn Muslim al-Qusyairi, 2006, Sahih Muslim, Muhaqqiq: Nazar Ibn Muhammad al-Faryabi Abu Qutaibah.

Jalaluddin Abdulrahman Ibn Abu Bakar al-Suyuti, 1994, Tabaqat al-Huffaz, Dar Kutub Ilmiyyah, Beirut, Lubnan.